

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (P) 1-2009

FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan pada 26 Jun 1989. Salah satu aktiviti perniagaan Perayu ialah membekalkan perkhidmatan mengutip hutang bagi pihak klien yang terdiri dari institusi perbankan dan perdagangan. Pada 13 Februari 2009, Perayu telah memohon Ketetapan Kastam di bawah seksyen 6A, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 atas perkara sama ada aktiviti *Debt Collection – Commission Earned on Collection Amount* dikenakan cukai perkhidmatan atau tidak. Di dalam Ketetapan Kastam bertarikh 18 Februari 2009 Ketua Pengarah Kastam telah memutuskan “perkhidmatan *debt collection and receivables management services* adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah Jadual Kedua, Kumpulan G, item 13(r), Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975”. Ketetapan Kastam tersebut telah ditandatangani oleh Dato’ Azizah binti Idris.
2. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam dan telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal pada 16 Mac 2009.

ISU

Sama ada Ketetapan Kastam bertarikh 18 Februari 2009 yang ditandatangani oleh Dato’ Azizah binti Idris bagi pihak Ketua Pengarah Kastam adalah keputusan Ketua Pengarah Kastam bagi maksud subseksyen 50(2) Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

(Selepas rayuan difailkan pihak-pihak telah menjalani proses rundingan penyelesaian sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 141P Akta Kastam 1967 tetapi gagal)

KEPUTUSAN

Tribunal telah memutuskan bahawa bagi maksud sesuatu rayuan di bawah subseksyen 50(2) Akta Cukai Perkhidmatan 1975, keputusan di dalam Ketetapan Kastam hendaklah dibuat sendiri oleh Ketua Pengarah Kastam. Di atas sebab keputusan yang dipertikaikan tidak dibuat sendiri oleh Ketua Pengarah Kastam, rayuan Perayu telah dibuat secara pramasa. Rayuan dibatalkan dengan kebebasan memfailkan semula.

13 Julai 2009